

"Kami sepatutnya menggunakan semua saluran yang ada seperti aplikasi WhatsApp, Telegram, WeChat, FB, Instagram, MySpace, Flickr dan pelbagai media sosial lain untuk menghubunginya tetapi kami terlepas pandang"

Mohd Faiz Iskandar Md Shamshir

MOHD Faiz menunjukkan dua laporan polis yang dibuat berhubung fitnah terhadap kedainya.



“Saya mengakui kesilapan tidak berusaha lebih untuk menghubunginya”

Mohd Faiz Iskandar
Md Shamshir

Ibrahim Isa
ibrahim@hmetro.com.my

Johor Bahru

Kalaucu saya kejam, tidak mungkin saya sanggup bersama haiwan terutama kucing selama lebih 10 tahun selain mencuci... sangkar, membuang najis dan memandikan haiwan berkenaan,” kata Mohd Faiz Iskandar Md Shamshir, 30, pemilik kedai haiwan yang tular di laman sosial Facebook (FB) kerana didakwa memberi racun dan membuat kucing pelanggan ke dalam tong sampah.

Mohd Faiz berkata, walaupun mengaku

banyak kekurangan untuk memuaskan hati pelanggan sejak menceburti bidang itu, dia bukan manusia kejam seperti digambarkan dalam satu status pelangangnya.

“Apa yang berlaku ialah kelalaiannya dan pekerja, berikutan itu dengan rendah hati saya memohon maaf kepada pemilik kucing berkenaan dan semua rakyat Malaysia.

“Bagaimanapun, saya tidak pernah bertindak sekejam itu terhadap haiwan. Mungkin saya tidak mampu menyayangi haiwan orang lain seperti tuannya tetapi apa rasionalnya saya memberi racun kepada haiwan yang dipertanggungjawabkan pelanggan kepada kami,” katanya.

Menurut Mohd Faiz, pada jam 11.40 pagi 9 April lalu, kedainya menerima dua kucing untuk perkhidmatan hotel selama sembilan hari dan lapan

malam, tetapi malangnya, pekerja tidak meminta kad kesihatan kedua-dua kucing berkenaan, walaupun ia tertera pada peraturan yang ditetapkan.

Katanya, mungkin disebabkan terlalu sibuk atau pelanggan mahu proses itu dijalankan dengan cepat, kakitangannya terlepas pandang prosedur berkenaan dan mengambil dua kucing itu serta bayaran RM100 selain berbakti RM124 sedangkan mereka sepatutnya mengambil bayaran penuh bagi perkhidmatan hotel.

“Selepas dua kucing yang masing-masing berusia setahun dan tiga bulan itu ditempatkan di sangkar, kami tidak melihat apa-apa kelainan hingga pada sebelah malam, kakitangan saya memberitahu seekor daripada kucing berkenaan tidak aktif namun masih makan serta minum,”

“Kami tidak menyangka apa-apa kerana berpendapat mungkin ia tertekan kerana berada di tempat baru, namun pada jam 6.30 petang keesokan harinya, saya dimaklumkan kucing berkenaan dalam keadaan lemah menyebabkan saya memberinya glukos dan vitamin,” katanya.

Menurutnya, ketika itu dia dan kakitangannya berusaha menghubungi telefon bimbit dan menghantar SMS kepada pemilik kucing berkenaan namun tidak dijawab.

“Saya mengakui kesilapan tidak berusaha lebih untuk menghubunginya. Kami sepatutnya menggunakan semua saluran yang ada seperti aplikasi WhatsApp, Telegram, WeChat, FB, Instagram, MySpace, Flickr dan pelbagai media sosial lain untuk menghubunginya tetapi kami terlepas pandang,” katanya.

‘SAYA TAK KEJAM’

■ Pengusaha pusat jagaan haiwan sangkal dakwaan racun kucing

HARIAN METRO